

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

22 lagi kes VOC dikesan

14 kes babit varian Beta (B.1.351), lapan kes varian Delta (B.1.617.2)

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan menemui 22 lagi kes varian membimbangkan (VOC) virus SARS-CoV-2 jenis Beta (B.1.351) dan Delta (B.1.617.2) dalam kajinannya antara 11 Jun lalu hingga semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata survelan genomik untuk virus SARS-CoV-2 itu mengesan 14 kes membabitkan varian Beta (B.1.351) dan lapan adalah kes varian Delta (B.1.617.2).

Beliau berkata, kes baharu varian Beta (B.1.351) yang dilaporkan dikesan masing-masing tiga kes di Selangor, Sabah, dan Terengganu; dua kes di Kedah dan masing-masing satu kes di Perak, Johor, dan Kelantan.

"Lapan kes baharu bagi varian Delta (B.1.617.2) pula dikesan masing-masing dua kes di Johor, La-

buan, dan Negeri Sembilan serta masing-masing satu kes di Perlis dan Pulau Pinang.

"Sehingga 19 Jun 2021, jumlah kumulatif kes dijangkiti virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan varian mempunyai kepentingan (VOI) adalah 183 kes, iaitu 167 kes adalah VOC dan 16 kes adalah VOI," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, setakat ini, VOC yang dilaporkan adalah 137 kes adalah varian Beta (B.1.351) yang semuanya kes jangkitan tempatan; 21 kes varian Delta (B.1.617.2) iaitu 12 kes jangkitan tempatan dan sembilan kes import dan sembilan kes varian Alpha (B.1.1.7), iaitu empat kes jangkitan tempatan dan lima kes import.

Katanya, bagi kes VOI yang dilaporkan 12 kes adalah varian Theta (P.3) yang membabitkan kes jangkitan tempatan; tiga kes varian Eta (B.1.525) keduanya membabitkan kes import dan satu kes varian Kappa (B.1.617.1) yang dikesan dari kes import.

Kebanyakan kes varian Beta (B.1.351) dikesan melalui kes sporadik saringan kontak rapat, iaitu sebanyak 48 kes dan masing-masing 10 kes sporadik saringan bergejala dan dari Kluster Kampung Bunut Sarang Bu-

KKM akan terus memantapkan aktiviti kawalan penyakit berjangkit, termasuk meneruskan survelan genomik untuk virus SARS-CoV-2

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



rung serta Kluster Jalan Canning Estate.

"KKM akan terus memantapkan aktiviti kawalan penyakit berjangkit, termasuk meneruskan survelan genomik untuk virus SARS-CoV-2, memperbanyakkan ujian saringan COVID-19, melakukan pengesanan kontak dan kita juga perlu melindungi sektor kesihatan," katanya.

"Masyarakat dinasihatkan untuk segera tampil mendaftarkan

diri dan ahli keluarga bagi mendapatkan vaksin dalam usaha membantu negara membentuk imuniti kelompok.

"Ini juga antara langkah bagi mengekang kesan buruk penularan varian dalam kalangan komuniti," katanya.

Sementara itu, semalam, KKM melaporkan 5,293 kes positif baharu menjadikan kes keseluruhan 696,408 kes, dengan Selangor terus menyumbang bilangan kes tertinggi, iaitu sebanyak 1,680 kes positif baharu.

Beliau berkata, ketika ini jumlah kes aktif adalah 63,815 kes.

"Sebanyak 5,286 kes adalah penularan tempatan membabitkan 3,894 warganegara dan 1,392 bukan warganegara, manakala sebanyak tiga daripada tujuh kes import dilaporkan membabitkan rakyat tempatan dan empat lagi warga asing.

"Seramai 880 pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 454 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM juga merekodkan 69 kematian semalam membabitkan pesakit berusia antara 28 hingga 89 tahun, menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 4,408 kes (0.63 peratus).

Seramai 56 mangsa adalah warganegara, manakala empat lagi warga asing.

'SOP makin terabai, vaksin jadi sandaran'

Kuala Lumpur: Pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan arahan duduk di rumah dilihat semakin kurang berkesan kerana kelesuan mental dan fizikal dalam kalangan orang ramai berikutan terlalu lama berada dalam pandemik.

Berikutan keadaan itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata kaedah kesihatan awam akan menjadi kurang berkesan menyebabkan orang ramai terpaksa bergantung kepada suntikan vaksin sebagai sokongan.

"Sebab sudah terlalu lama sangat (situasi pandemik COVID-19). Ini menyebabkan kelesuan mental dan fizikal. Jadi, lebih susah untuk bertahan.

"Bila buka (kelonggaran), kes akan merebak. Jadi vaksin sandaran. Beri masa dua ke tiga bulan ini untuk meningkatkan vaksinasi," katanya dalam Webinar Islam dan Isu Semasa bertajuk

Sosialisasi Agamawan Dalam Menangani COVID-19 yang disiarkan secara langsung di Facebook Pertubuhan Intelektual Negara (PINTAR) dan Persatuan Ulama' Malaysia, malam kelmarin.

Webinar yang membincangkan isu semasa COVID-19 itu turut menampilkan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Luqman Abdullah dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Dr Sirajuddin Suhaimi.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham ketika mengulas kebimbangan memandangkan sektor ekonomi khususnya kilang yang menjadi penyumbang utama kilang di negara ini berbanding sektor lain, menegaskan pihaknya sudah mengutarakan tiga cadangan menanganai isu itu.

"Kementerian Kesihatan (KKM) sudah membangkitkan perkara ini dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Kita faham keperluan untuk imbangkan ekonomi dan kesihatan tetapi sekarang ini ekonomi sumbang kepada peningkatan kes dan kita juga perlu melindungi sektor kesihatan," katanya.

Beliau berkata, antara perkara dicadangkan kepada MKN ialah memastikan kepatuhan kepada SOP, memandangkan masih ada kilang yang dikenal pasti ingkar kepada arahan berkenaan.

"Contohnya, apabila dibenarkan dibuka dahulu, ada SOP tetapi tahap pematuhan ke laut. Bila berlaku jangkitan, kilang tidak ditutup. Jadi sekarang ini, jika ada kes positif COVID-19, kilang itu diarahkan tutup dengan penguatkuasaan yang tinggi.

"Selain itu, tingkatkan vaksinasi dengan beri keutamaan kepada kilang yang penting. Mungkin majikan boleh dapatkan atau beli vaksin untuk pekerja.

"Jika kita tidak dapat laksanakan penguatkuasaan yang

baik, hanya ada satu cara lagi, tutup saja kilang. Ini sudah kita bentangkan. KKM hanya boleh memberi nasihat, tindakan di pihak MKN sama ada boleh dilaksanakan atau tidak," katanya.

Dr Noor Hisham ketika diajukan soalan mengenai situasi COVID-19 yang masih meruncing, khususnya di Selangor dan Wilayah Persekutuan (WP), beliau berkata, antara isu yang dihadapi kerajaan pada ketika ini masalah bekalan.

"Masalah vaksin ini isu bekalan. Kerajaan sudah beli dari tahun lalu dan sekarang, kita perlu bekalan dalam masa terdekat. Jika kita nak beli vaksin pun (sekarang), ia dihantar lambat lagi. Kerajaan sudah membuat bayaran, tetapi bekalan tidak sampai lagi.

"Jika kita lihat sekarang, vaksinasi paling tinggi di Selangor, Kuala Lumpur dan Sarawak. Sekarang kita menumpukan vaksinasi di Sarawak," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19



SIKASANA di trali vaksin ketika penerima mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 pada Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah di Klinik Borong Kuala Lumpur, semalam.

5,675,002 disuntik

Kuala Lumpur: Jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin Covid-19 di negara ini setakat kelmarin sudah mencecah 5,675,002 dos, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, seramai 1,588,915 individu sudah melengkapkan dua dos vaksin manakala 4,086,087 individu menerima dos pertama.

Lima negeri yang mencatatkan penerima kedua-dua dos tertinggi ialah Selangor dengan 207,077 diikuti Sarawak (181,690), Johor (161,082), Perak (147,250) dan

Kuala Lumpur (141,071), katanya menerusi akaun Twitter, semalam.

Mengenai vaksinasi harian bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Dr Adham berkata 164,282 dos diberikan kelmarin membabitkan 128,400 penerima suntikan pertama manakala 35,882 lagi dos kedua.

Sementara itu, berdasarkan laporan harian jumlah pendaftaran kumulatif vaksin dalam laman sesawang www.vaksinCovid.gov.my, sebanyak 15,072,779 pendaftaran direkodkan setakat semalam.



Sisa klinikal terus meningkat

PETUGAS kesihatan menanggalkan pakaian perlindungan diri yang dipakai selepas selesai proses saringan Covid-19 ketika tinjauan di sebuah klinik swasta di Seksyen 13, Shah Alam. Sisa bahan klinikal seperti sarung tangan getah dan gaun isolasi petugas barisan hadapan di semua fasiliti kesihatan meningkat sebanyak 111.94 peratus berbanding Disember 2019 sebelum wabak Covid-19 melanda.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19



STADIUM JADI PUSAT VAKSIN

STADIUM Nasional Bukit Jalil di ibu kota yang dijadikan pusat pemberian vaksin (PPV) dijangka beroperasi bermula hari ini dengan kemampuan kapasiti sehingga 10,000 dos suntikan dalam sehari. Seluruh trek balapan bertukar wajah menjadi ruang untuk urusan vaksinasi selaras dengan matlamat mencapai imuniti kelompok menjelang akhir tahun ini. - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

5,293 kes baharu, 60 kematian semalam

Kuala Lumpur: Sebanyak 5,293 kes positif baharu Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan angka jangkitan disebabkan pandemik itu kian menghampiri 700,000 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes baharu itu menjadikan kes Covid-19 di negara ini kini berjumlah 696,408 kes.

Menurutnya, Selangor semalam terus menjadi negeri tertinggi mencatatkan kes baharu dengan 1,680 kes direkodkan.

"Ia disusuli Negeri Sembilan dengan 693 kes, Sarawak (661) dan Johor (627) manakala Perlis dan Putrajaya mencatatkan kes terendah dengan masing-masing dua serta empat kes.

"Sebanyak 5,286 kes adalah kes tempatan iaitu 3,894 warganegara dan 1,392 bukan warganegara manakala tujuh kes import


membabitkan tiga warganegara dan empat bukan warganegara dilaporkan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 5,941 kes pulih menjadikan kumulatif kes sembuh di negara ini meningkat kepada 628,185 kes.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Noor Hisham berkata, ada 60 kes kematian dilapor semalam menjadikan jumlah kumulatif 4,408 kes iaitu 0.63 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, kes kematian dilaporkan membabitkan 56 warganegara dan empat bukan warganegara.

"Seramai 880 pesakit Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 454 pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.



AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Kes sembuh dicatatkan semalam sebanyak 5,941

Kes harian belum turun bawah 5,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kes harian negara masih belum turun bawah 5,000 dengan semalam kekal mengatasi angka tersebut dengan 5,293 kes, manakala kes sembuh pula melebihi sedikit jumlah tersebut iaitu sebanyak 5,941 kes.

Ia sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 sebanyak 696,408 kes, manakala kes kumulatif sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 628,185 kes.

Kes aktif dengan kebolehan Covid-19 juga terus berkurangan dengan 63,815 kes termasuk 880 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi dan 454 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Terdapat 60 kes kematian termasuk empat warga asing dengan kesemua kes berusia antara 28 hingga 89 tahun, manakala jumlah kes kematian Covid-19 di Malaysia sebanyak 4,408 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian semalam, sebanyak 19 kluster baharu terdiri daripada 10 kluster tempat kerja, lima kluster komuniti, dua kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster pusat tahanan.

Dalam perkembangan lain, Dr.



SEKUMPULAN anggota Agensi Pertahanan Awam Malaysia bergerak masuk ke kawasan Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan sejak 18 Jun lalu semalam. – MUHAMAD IQBAL ROSLI

Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan mengesan 22 lagi kes varian baharu Variant of Concern (VOC) virus SARS-CoV-2 melibatkan 14 kes varian Beta (B.1.351) (Afrika Selatan) dan lapan kes varian Delta (B.1.617.2) (India).

Beliau menambah, daripada 14 kes baharu varian Beta, tiga daripadanya masing-masing di kes di Selangor, Sabah dan Terengganu serta dua kes di Kedah serta masing-masing satu kes di Perak, Johor dan Kelantan.

"Lapan kes baharu bagi varian Delta pula adalah masing-masing dua kes di Johor, Labuan dan Negeri Sembilan serta masing-masing satu kes di Perlis dan Pulau Pinang.

"Sehingga semalam, jumlah

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	5,293
Import:	7
Tempatan:	5,286
Pulih	5,941
Kematian	60
Masih dirawat	63,815
Jumlah kes sembuh	628,185
Jumlah Kematian	4,408
Jumlah kes keseluruhan	696,408

kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan Variant of Interest (VOI) adalah sebanyak 183 kes melibatkan 167 kes VOC dan 16 kes VOI," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, VOC yang dilaporkan terdiri daripada 137 kes adalah varian Beta iaitu kesemua kes jangkitan tempatan serta 21 kes varian Delta dengan 12 kes jangkitan tempatan dan sembilan kes import.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes Covid-19 turun lagi

Selangor masih melaporkan kes tertinggi dengan rekod melebihi angka 1,600 kes

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Kes baharu positif Covid-19 mencatatkan penurunan dua hari berturut-turut apabila merekodkan sebanyak 5,293 kes baharu pada Ahad berbanding 5,911 kes pada Sabtu dan 6,440 kes pada Jumaat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor kekal melaporkan kes tertinggi iaitu 1,680 kes diikuti Negeri Sembilan (693), Sarawak (661), Johor (627), Kuala Lumpur (379), Perak (205), Melaka (183), Kedah (170), Kelantan (167), Sabah (163), Labuan (156) dan Pulau

Pinang (114). Menurutinya, tiga negeri dan wilayah melaporkan kes di bawah 100 iaitu Pahang (77), Terengganu (12), Putrajaya (empat) dan Perlis (dua).

"Jumlah keseluruhan kes adalah sebanyak 696,408," katanya pada Ahad. Katanya, sebanyak 5,941 kes sembuh dicatatkan menjadikan kumulatif kes sebanyak 628,185 kes.

Jelasnya, sebanyak 880 kes di unit rawatan rapi dan 454 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 60 kes kematian dicatatkan pada Ahad melibatkan 56 warganegara dan

4 bukan warganegara. "Kes kematian melibatkan 20 di Selangor, Johor (12), Negeri Sembilan (11), Kuala Lumpur (empat), Labuan (empat), Sabah (dua), Sarawak, (dua), Perak (dua) dan masing-masing satu kes di Pulau Pinang, Kedah serta Pahang.

"Sebanyak 19 kluster baharu Covid-19 dikenal pasti melibatkan 11 kluster tempat kerja, lima kluster komuniti, dua kluster berisiko tinggi dan satu kluster pusat tahanan

Jelasnya, sebanyak 2,623 kluster dikesan sejak awal pandemik dan daripada jumlah itu, 1,789 diisytiharkan tamat dan 834 masih aktif.

22 kes varian baharu Covid-19 dikesan



PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan penularan 22 kes varian baharu melibatkan Varian of Concern (VOC) Virus SARS-CoV-2 bermula 11 Jun sehingga 19 Jun ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, surveilan genomik itu merekodkan 14 kes varian Beta (B.1.351) dari Afrika Selatan dan lapan kes varian Delta (B.1.617.2) dari India.

"Kes baharu varian Beta dilaporkan masing-masing tiga kes di Selangor, Sabah dan Terengganu, dua kes di Kedah dan masing-masing satu kes di Perak, Johor dan Kelantan.


"Lapan kes baharu bagi varian Delta masing-masing dua kes di Johor, Labuan dan Negeri Sembilan serta satu kes di Perlis dan Pulau Pinang," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 20 Jun 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIBAKSARI
696,408	628,185	880	4,408	+5,293	5,675,002



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : SINAR NEGERI

Wad HoSHAS ditutup kepada pesakit baharu

Perkhidmatan kecemasan, perbidanan dan sakit puan serta pediatrik masih beroperasi

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN
NIK MIN

KUANTAN

Semua wad di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) Temerloh ditutup untuk kemasukan pesakit baharu susulan penularan jangkitan Covid-19.

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr Bahari Tok Muda Che Awang Ngah berkata, langkah itu diambil atas faktor keselamatan

bagi mengelak risiko jangkitan terhadap semua pesakit baharu dan pelawat.

Sehubungan itu, dua wad multidisiplin telah dibuka bagi kes-kes kritikal.

"Ketika ini perkhidmatan kecemasan, perbidanan dan sakit puan serta pediatrik di HoSHAS masih beroperasi," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, untuk sementara waktu, semua pesakit yang tidak kritikal yang perlu dimasukkan ke hospital akan dihantar ke hospital-hospital lain yang memiliki tenaga pakar di negeri ini.

Katanya, sehingga Ahad, terdapat 37 kes Covid-19 dikesan di HoSHAS membabitkan penularan jangkitan di wad biasa dan bukan di wad yang



BAHARI TOK MUDA

dikhaskan untuk pesakit Covid-19.

"Penilaian risiko telah dibuat ke atas semua yang terlibat di mana kontak rapat kepada kes positif telah disaring dan diasingkan.

"Aktiviti kawalan sedang dilaksanakan bagi menghentikan penularan jangkitan termasuk langkah penutupan wad di hospital itu," katanya.

Bagaimanapun, keadaan setakat ini masih terkawal dengan aktiviti kawalan dan pencegahan sedang dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan di hospital itu yang telah ditutup sementara dapat dibuka semula secara berperingkat.

"Kita jangkakan perkhidmatan di hospital itu dapat beroperasi seperti biasa dalam masa terdekat," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Covid-19: Kes positif, kematian menurun

PUTRAJAYA: Malaysia mencatatkan penurunan dalam kes kematian akibat Covid-19 iaitu 60 kes barbanding semalam 72 kes namun sebanyak 880 kes masih dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 454 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes positif turut mencatatkan kes di bawah 6,000 iaitu 5,293 kes dengan 63,815 kes aktif manakala kes sembuh sebanyak 5,941 kes.

Menurutnya, Selangor terus menjadi penyumbang terbesar kematian iaitu 20 kes, 12 kes di Johor, 11 kes di Negeri Sembilan, masing-masing empat kes di Kuala Lumpur dan Labuan, masing-masing dua kes di Sabah, Perak, dan Sarawak, serta masing-masing satu kes di Pulau Pinang, Kedah dan Pahang.

"Antara penyakit yang dikesan dalam kalangan pesakit terlibat ialah kencing manis, darah tinggi, strok, dislipidemia, tuberkulosis, paru-paru kronik,



Kes positif turut mencatatkan kes di bawah 6,000 iaitu 5,293 kes dengan 63,815 kes aktif manakala kes sembuh sebanyak 5,941 kes."

DR. NOOR HISHAM ABDULLAH

obesiti dan buah pinggang kronik," kata beliau dalam kenyataan semalam.

Katanya, Selangor yang terus menjadi penyumbang terbesar kes positif turut mengalami penurunan kes berbanding semalam iaitu 2,111 kes kepada 1,680 kes diikuti Negeri Sembilan (693), Sarawak (661), Johor (627), Kuala Lumpur (379) dan

Perak (205).

"Baki negeri merekodkan kes bawah 200 iaitu Melaka (183), Kedah (170), Kelantan (167), Sabah (163), Labuan (156), Pulau Pinang (114), Pahang (77), Terengganu (12), Putrajaya (4) dan Perlis, hanya dua kes," katanya.

Mengulas mengenai 19 kluster baharu, beliau berkata, 11 kluster membabitkan tempat kerja, lima kluster komuniti, dua kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster pusat tahanan.

Noor Hisham berkata, kluster tempat kerja membabitkan lima di Selangor iaitu Industri Lebu Satu di Klang, Kuala Selangor dan Petaling, (18), Industri Solok Waja Satu di Klang (22), Industri Meranti Dua di Sepang (39), Tapak Bina Perindustrian Olak Lempit di Kuala Langat (36), Tapak Bina Persiaran Hamidiah di Hulu Langat (244) manakala dua di Pahang, Indera Mahkota 16 di Kuantan (9) dan Lorong Empat Jerantut

di Jerantut (9).

"Empat lagi iaitu Tapak Bina Jalan Seri Tanjung Pinang di Timur Laut, Pulau Pinang (25), Jalan Bundusan di Kota Kinabalu dan Penampang, Sabah (9), Kampung Kubang Panjang di Pasir Mas dan Kota Bharu, Kelantan (36) dan Industri Lukut Tiga di Port Dickson, Negeri Sembilan (35).

"Kluster komuniti iaitu Kampung Tok Kamis di Pasir Puteh, Kelantan (19), Kampung Pulau Panjang di Kota Bharu, Kelantan (14), Lorong Perlis Empat di Miri dan Subis, Sarawak (33), Beladai Selat di Kuala Terengganu, Terengganu (24) dan Kampung Nelayan Tengah di Sandakan, Sabah (25)," katanya.

Tambahnya, dua kluster kumpulan berisiko, Jalan Kemboja Tujuh di Seremban,

Negeri Sembilan (27) dan Iris Garden di Kuching, Sarawak (23) manakala Tembok Sungai Udang 2 di Melaka Tengah, Melaka (81).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : STORY OF THE DAY / NEWS

SELANGOR THE HIGHEST

5,293 CASES, 60 DEATHS RECORDED

Covid-19 infections
approaching
700,000 mark

NOR AIN MOHAMED RADHI
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

MALAYSIA'S Covid-19 case tally is fast approaching the 700,000 mark, with the country recording 5,293 new infections yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yesterday said these cases had increased the cumulative infections to 696,408, 63,815 of which were active cases.

Selangor remained the state with the highest daily infections with 1,680 cases, followed by Negri Sembilan with 693, Sarawak (661) and Johor (627).

Also recording three-digit cases were Kuala Lumpur with 379, Perak (205), Melaka (183), Kedah (170), Kelantan (167), Sabah (163), Labuan (156) and Penang (114).

"Pahang recorded 77 new cases, followed by Terengganu (12), Putrajaya (four) and Perlis with two cases."

Dr Noor Hisham said 5,286 were local transmissions involving 3,894 Malaysians and 1,392 foreigners.

"There were seven imported

cases, involving three Malaysians and four foreigners."

Sixty people died yesterday, bringing the tally to 4,408.

He said the deaths involved 56 Malaysians and four foreigners, aged between 28 and 89.

Twenty deaths were reported in Selangor, followed by Johor with 12 and Negri Sembilan (11), he said.

He said four deaths were recorded in Kuala Lumpur, followed by Labuan (four), Sabah (two), Perak (two), Sarawak (two) and one each in Penang, Kedah and Pahang.

Seven of them were brought in dead, he said.

He said 880 patients were undergoing treatment in intensive care units, 454 of whom were on ventilator support.

He said Malaysia recorded 5,941 recoveries, bringing the cumulative figure to 628,185.

Ninety new clusters were recorded yesterday. These involved 11 workplaces, five community, two high-risk groups and a detention centre. These clusters had contributed to 590 new cases.

Of the workplace clusters, five were from Selangor, two in Pahang, and one each in Penang, Kelantan, Sabah and Negri Sembilan.

For the five community clusters, two were from Kelantan and one each from Sarawak, Terengganu and Sabah.



Restaurant workers getting ready to close by 8pm in compliance with the standard operating procedures in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

The two high-risk group clusters were detected in Negri Sembilan.

The Tembok Sungai Udang 2 cluster was the detention centre cluster in Melaka.

There were 834 active clusters. He said the Health Ministry had detected another 22 variants of concern (VOC) cases between June 11 and 19.

Fourteen involved the Beta variant (B.1.351), and the rest were of the Delta variant (B.1.617.2).

The Beta variant cases, he said, were reported in Selangor, Sabah and Terengganu with three cases each, Kedah (two), and one case

each in Perak, Johor and Kelantan. "The Delta variant cases were identified in Johor, Labuan and Negri Sembilan with two cases each, and one case each in Perlis and Penang."

He said up to June 19, the cumulative cases having the SARS-CoV-2 virus categorised as VOCs and variants of interest (VOIs) stood at 183.

Of these, he said, 167 were VOCs and 16 cases were VOIs.

The VOCs reported involved 137 cases of the Beta variant (B.1.351) (all local transmissions); 21 Delta variant (B.1.617.2) (12 cases were local transmissions and nine imported infections), and

nine Alpha variants (B.1.1.7) (four local transmissions and five imported infections).

"The VOIs involved 12 cases of the Theta (P.3) variant (local transmissions), three cases of the Eta variant (B.1.525) (imported infections), and one case of the Kappa variant (B.1.617.1) (imported infection)."

He said the ministry would continue to strengthen infectious disease control activities, including genomic surveillance for the SARS-CoV-2 virus, increase screening tests, conduct more contact tracing and case isolation as well as other public health measures.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

1,588,915 people fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 5,675,002 doses of the Covid-19 vaccine have been administered in the country as of Saturday.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba, via a Twitter post, said 1,588,915 people had completed two doses of the vaccine and 4,086,087 individuals had received the first dose.

The five states that recorded the highest number of double dose recipients were Selangor with 207,077 individuals, followed by Sarawak (181,690), Johor (161,082), Perak (147,250) and Kuala Lumpur (141,071).

On daily vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme, Dr Adham said 164,282 doses were administered on Saturday involving 128,400 first dose recipients and 35,882 second dose recipients.

Meanwhile, based on the daily report on www.vaksincovid.gov.my, a total of 15,072,779 vaccine registrations were recorded as of Saturday. — Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Covid-19
Current situation

Malaysia: New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered
5,293	696,408	4,408(+60)	628,185(+5,941)

**VACCINATED
IN MALAYSIA**
As at 11:59pm June 19
(Daily figures in brackets)

TOTAL DOSE 1 & DOSE 2 ADMINISTERED	FIRST DOSE TOTAL	SECOND DOSE TOTAL
5,675,002 (164,282)	4,086,087 (128,400)	1,588,915 (35,882)

Perlis	Kedah	Penang	Perak	Selangor	Kelantan	Terengganu	Pahang	N. Sembilan	Melaka	Johor	Sabah	Sarawak	FT K. Lumpur	FT Putrajaya	FT Labuan
+2	+170	+114	+205	+1,680	+167	+12	+77	+693	+183	+627	+163	+661	+379	+4	+156

Workplace clusters still dominate

By TARENCE TAN
tarrence@thestar.com.my

11 identified among 19 new ones detected

PETALING JAYA: Workplace Covid-19 clusters continue to make the bulk of new cases discovered in the country despite a steady decline in infection figures over the recent days.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said out of the 19 new clusters detected, workplace clusters alone make up 11 of them.

There were five workplace clusters in Selangor, followed by one each in Penang, Sabah, Kelantan

and Negri Sembilan and two in Pahang.

The Persiaran Hamidiah construction site in Hulu Langat was the hardest hit cluster with 244 positive cases detected after 332 people were screened, said Dr Noor Hisham.

Others were the Olak Lempit industrial construction site in Kuala Langat, Selangor, where 36 positive cases were reported after 43 workers were screened and the Meranti Dua site in Sepang, where 39 posi-

tive cases were detected after 51 people got tested.

In another workplace cluster (Solok Waja Satu) in Selangor, 22 individuals were found to be positive after 114 individuals were screened while another 18 positive cases were detected at the Lebuah Satu cluster.

In Penang, the Health Ministry detected the Timur Laut cluster following 25 positive cases detected after 177 individuals were checked.

The Indera Mahkota 16 and

Lorong Empat Jerantut clusters were found in Pahang after nine cases emerged from each of this workplace.

Dr Noor Hisham said other workplace clusters were the Kelantan Kubang Panjang cluster, where 36 positive cases were reported after 61 individuals were tested and in Negri Sembilan, the Lukut Tiga cluster was detected after 35 positive cases were reported following the screening of 112 workers.

There were two community clus-

ters in Kelantan - Pasir Puteh and Kota Baru - which recorded 19 and 14 positive cases respectively, he said.

Other community clusters were identified in Sarawak's Lorang Perlis Empat cluster, where 33 individuals were positive after 769 people were screened and in Terengganu, the Beladai Selat cluster saw 24 positive cases out of 70 people tested.

Dr Noor Hisham said another 60 people died of Covid-19, bringing the cumulative death toll to 4,408 cases. There were 5,293 new Covid-19 cases yesterday.